



Ruj. Kami : ANM(G)NS.274 Jld.11 (**33**)

Tarikh : **25** Mei 2018

**PENGARAH
SEMUA PUSAT PEMBAYAR GAJI
SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB
KERAJAAN PERSEKUTUAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

YBhg. Dato/Tuan/Puan,

**SKIM PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL KEPADA KAKITANGAN
AWAM BERTARAF SEMENTARA DAN KONTRAK**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato'/tuan/puan sedia maklum, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melalui Pekeliling Majikan No. 2 Tahun 2013 telah mewajibkan caruman Skim Perlindungan Keselamatan Sosial (SOCISO) kepada kakitangan awam bertaraf sementara dan kontrak. Sehubungan itu, semua Jabatan yang mempunyai kakitangan kontrak (*contract of service*) adalah dipohon untuk mengambil tindakan berikut :

- i. Mewujudkan no majikan dengan pihak PERKESO; dan
- ii. Mengemukakan Borang SG10 (seperti di **Lampiran A**) berserta salinan surat PERKESO kepada Unit Gaji JANMNS.

3. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara di atas, pihak YBhg. Dato'/tuan/puan bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut :

- i. Puan Noraini binti Mohd Yunos 06-768 6897
- ii. Puan Sareen Deo binti Mohd Imbran 06-768 6871

4. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/tuan/puan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

'Inovasi Dan Integriti Merealisasikan Perakaunan Akruan'

Saya yang menurut perintah,



(MOHAMAD NOR AZAM BIN SABTU C.A.(M))

Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Sembilan

